

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Pengurus Projek
Gred Jawatan	:	F52
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Sistem Maklumat (F)
Jadual Gaji	:	RM5,844.00– RM12,441.00
Taraf Jawatan	:	Kontrak (<i>Contract of Service</i>)
Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) kelayakan : i. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer/ teknologi maklumat/ pengurusan maklumat/ perkomputeran perniagaan/ kejuruteraan sistem/ kejuruteraan komputer/ kejuruteraan pangkalan data/ kejuruteraan rangkaian komputer/ keselamatan ICT/ keselamatan siber/ <i>Intelligent System</i> atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau ii. Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer/ teknologi maklumat/ pengurusan maklumat/ perkomputeran perniagaan/ kejuruteraan sistem/ kejuruteraan komputer/ kejuruteraan pangkalan data/ kejuruteraan rangkaian komputer/ keselamatan ICT/ keselamatan siber/ <i>Intelligent System</i> atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau iii. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer/ teknologi maklumat/ pengurusan maklumat/ perkomputeran perniagaan/ kejuruteraan sistem/ kejuruteraan komputer/ kejuruteraan pangkalan data/ kejuruteraan rangkaian komputer/ keselamatan ICT/ keselamatan siber/ <i>Intelligent System</i> atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
Kelayakan Khusus dan Keutamaan	:	Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan khusus dan keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki: i. Mempunyai pengalaman minimum 8 tahun, dengan sekurang-kurangnya 5 tahun dalam pengurusan dan penyelesaian projek ICT terutama pembangunan sistem dan mempunyai rekod prestasi yang baik dan terbukti (pelaksanaan projek berskala sederhana dan / atau besar mengikut kitaran projek dari fasa permulaan projek sehingga selesai). ii. Mempunyai pengetahuan yang baik dengan proses Pembangunan Perisian (SDLC) dan proses PMBOK atau PMP <i>certified</i>. iii. Berpengetahuan dan berpengalaman dengan pelbagai <i>platform</i> sistem seperti ASP.Net, PHP, Java, aplikasi web / mudah alih dan server, pangkalan data, <i>open source platform</i> dan lain-lain yang berkaitan. iv. Berpengetahuan dan berpengalaman dengan <i>Data Warehouse, Data Mart, ETL, Stored Procedure, JavaScript, web services, integration, Business Intelligence (method, development dan implementation)</i> dan pemahaman yang baik dalam konsep reka bentuk menggunakan UML, ER/ EER, Berpengalaman dalam menyediakan <i>design architecture</i> adalah satu kelebihan. v. Berpengetahuan dan berpengalaman dengan JIRA, Trello, ASANA, Open Project.

		vi. Berpengetahuan dan berpengalaman dengan <i>Payment Gateway</i>, integrasi FPX. vii. Berpengetahuan dan berkemahiran di dalam pelbagai <i>project management tools</i> (cth: Microsoft Project) dan analisis/ <i>presentation tools</i> (cth: Excel, PowerPoint) viii. Baik dalam memacu pelaksanaan dan penyampaian projek dan seterusnya membina impak positif di dalam pengurusan perubahan organisasi. ix. Berpengetahuan atau berpengalaman dengan <i>business</i> yang berkaitan (kewangan/ ekonomi/ akaun/ pelaburan/ audit) adalah satu kelebihan. x. Memiliki pensijilan ITIL (<i>Information Technology Infrastructure Library – is an integrated set of best-practice lifecycle</i>) atau sudah biasa/berpengalaman menggunakan ITIL diberi keutamaan. xi. Pemahaman yang baik dalam pentadbiran <i>server</i> dan <i>logical system</i>. xii. Pemahaman asas <i>network</i> dan <i>firewalls</i> dalam persekitaran <i>enterprise</i> dan pemahaman yang mendalam dalam amalan terbaik persekitaran <i>enterprise</i>. xiii. Kemahiran dalam Pengurusan Sistem/ <i>Enterprise</i>. xiv. Boleh berkomunikasi dan menulis dengan baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. xv. Mempunyai kemahiran <i>interpersonal</i> dan kekuatan dari segi penulisan dokumen dan kertas kerja serta baik dalam pembentangan kepada semua peringkat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. xvi. Mempunyai pengetahuan/ kemahiran/ pendedahan dan pengalaman dalam pelbagai jenis teknologi. xvii. Berkebolehan dan berpengalaman secara teori dan praktikal dalam perancangan strategik, penilaian risiko dan pengurusan perubahan. - xviii. Berfikir <i>business</i> dan analitik, memahami keperluan perniagaan, proses dan pelaporan serta penyelesaian masalah yang sangat baik. xix. Bersemangat untuk menganalisis masalah yang berkaitan (pihak dalaman atau luaran) dan mewujudkan/ memperbaiki proses sedia ada. xx. Bersifat pemimpin dan berkemahiran dalam menguruskan projek IT yang bernilai tinggi, sumber tenaga yang ramai, pengurusan bajet yang baik, penggunaan teknologi yang berkesan dan pengurusan masa yang ditetapkan, persekitaran yang tidak berstruktur serta berkeupayaan untuk mempengaruhi <i>target audience/ user</i> serta dapat memberi keuntungan atau manfaat kepada organisasi. xxi. Menerapkan budaya organisasi dan menyelaraskan serta menyokong visi dan misi organisasi. xxii. Berkemampuan dalam membina hubungan dan kerjasama yang baik di semua peringkat (rakan pasukan, pengurusan atasan organisasi, kementerian, vendor dan pemegang taruh), berinteraksi secara berkesan dan bersifat <i>multitasking</i>. - xxiii. <i>Result oriented</i> dan boleh berdikari (kurang bergantung dan membuat keputusan tanpa terlalu banyak pengawasan pengurusan). xxiv. Pernah terlibat/ mempunyai pengalaman dalam pembangunan sistem agensi kerajaan/ badan berkanun/ pihak berkuasa tempatan. xxv. Mempunyai pengalaman dalam usahasama/ kerjasama dalam pembangunan sistem/ pengurusan projek ICT bersama agensi kerajaan/ badan berkanun/ pihak berkuasa tempatan.
Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Suruhanjaya berhak menentukan terma dan syarat-syarat perkhidmatan lain.
Fungsi Bidang Tugas	:	i. Bertanggungjawab dalam mencapai objektif, merancang dan melaksanakan pengurusan dan operasi Pelan Pendigitalan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) selaras dengan dasar yang ditetapkan. ii. Menerajui pasukan projek yang akan melihat dari aspek pemantauan, prestasi, projek, pematuhan dan obligasi kontrak. iii. Melaksanakan pengurusan projek yang berkaitan dengan Perunding/ Vendor/ Agensi luar/ pihak-pihak yang berkaitan dengan Pelan Pendigitalan SKM. iv. Menyediakan kerangka kerja yang akan menyokong SKM, pasukan projek dan semua pihak berkepentingan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berjaya. v. Merancang, menyelaraskan, mentadbir urus dengan baik dalam melaksanakan program Pelan Pendigitalan mengikut best practices, pengurusan risiko dan pengurusan perubahan yang efisien dan efektif. vi. Penetapan definisi objektif projek, membangunkan <i>use case</i>, skop projek, menyusun strategi dan koordinasi serta pengenpastian dan menguruskan sumber bagi projek/ program Pelan Pendigitalan SKM di tahap terbaik (penyediaan sumber tenaga yang berkemahiran dan tepat, kos efektif, penjadualan garis masa projek/ program yang ditetapkan, rekabentuk tugas projek secara terperinci, pemasaran dan pengurusan perubahan yang berkesan).

		vii. Membangunkan Struktur Pecahan Kerja (WBS), mengenal pasti saling bergantung antara aliran kerja dan pemantauan kemajuan yang teliti, memanfaatkan pengurusan projek dan mencadangkan perubahan (mengoptimumkan sumber, menghapuskan fungsi yang tidak diperlukan/ tidak relevan) untuk mengurangkan kos perbelanjaan projek (fungsi yang <i>duplicate/ redundant</i> dihapuskan) seterusnya dapat menjimatkan kos perbelanjaan pada organisasi. viii. Memastikan Pemantauan dan Pengendalian Prestasi Pelaksanaan Projek; membangunkan Metodologi Pengurusan Projek; menyelaraskan Pengurusan Program dan Portfolio; memudahkan dan meningkatkan Pengurusan Projek Strategik; mengoptimumkan Sumber; membangunkan pengurusan risiko; membangunkan dan melaksanakan strategi dan proses perubahan pengurusan; membangunkan dokumentasi projek yang komprehensif dan sentiasa dikemaskini. ix. Segala metodologi/ kerangka/ prosedur/ proses/ strategi / dokumentasi projek yang dibangunkan oleh PMO akan menjadi <i>one stop center</i> panduan, dokumentasi, metrik yang berkaitan dengan <i>best practices</i> dalam pengurusan dan pelaksanaan projek. x. Mengumpulkan data mengenai kemajuan projek/ program Pelan Pendigitalan, pemantauan status projek, isu/log serta risiko dan menghasilkan laporan. Laporan akan dibentangkan kepada Ketua Transformation Management Office (TMO) mengikut keperluan/ dirancang oleh TMO. xi. Mengadakan Mesyuarat PMO secara mingguan dan mengadakan bengkel bersama sasaran pengguna/ pelanggan untuk pengurusan keperluan pengguna/ pelanggan. xii. Menggalakkan (atau menguatkuasakan jika perlu) penggunaan standard proses/ prosedur (contoh: dokumen untuk pelaksanaan UAT, pengurusan ID Pengguna, peningkatan aduan dari pengguna, pengurusan tiket aduan dan pengurusan perubahan seterusnya memberikan perkhidmatan sokongan terhadap pasukan yang terlibat di setiap fasa berkaitan). xiii. Bertanggungjawab untuk memantau kemajuan projek dan penjadualan projek serta sumber, <i>project tracking</i> (semua fasa & aktiviti projek), pengurusan risiko, pengurusan perubahan dan jaminan kualiti. xiv. Berkoordinasi dan bekerjasama dengan bahagian/ semua pihak yang berkaitan untuk memastikan sistem baharu mengikut tempoh yang dirancang di dalam Pelan Pendigitalan, proses penjenamaan sistem, hebahan (<i>roll out</i> plan dan implementasi) dan pengurusan perubahan dapat dilaksanakan. xv. Pemimpin yang baik dan dapat bekerjasama dengan pasukan projek dengan efektif dan berkesan dalam menyelesaikan masalah, memupuk kerjasama dan kesepaduan berpasukan. xvi. Menandatangani keperluan (<i>user requirement</i>), pengujian dan penerimaan semasa peringkat pelaksanaan dan terlibat dalam beberapa fasa pelaksanaan projek IT termasuk pengesahan dan pelaksanaan sistem teknikal, perisian, perkakasan atau penyelesaian, Uji Penerimaan Pengguna (UAT) dan memastikan pelaksanaan reka bentuk sistem yang menyokong perniagaan dengan berkesan selepas <i>go-live</i>. xvii. Menyelia kerja-kerja berkaitan pengurusan projek pembangunan dari perekaan konsep hingga penyerahan; - xviii. Bertindak sebagai <i>point of contact</i> bagi sebarang isu operasi yang diterima sewaktu di dalam fasa Sokongan Perkhidmatan. xix. Menguruskan vendor yang terlibat dengan projek/ program Pendigitalan SKM/ potensi vendor yang bersesuaian, <i>subject matter expert</i> (SME) dan pasukan teknikal untuk memastikan projek ini berada dalam landasan yang betul dari segi kualiti, <i>project deliverables</i> dan kos, pematuhan terhadap setiap obligasi kontrak. xx. Berkeupayaan mengurus dan melaksanakan program yang dirancang dalam tempoh masa yang ditetapkan. xxi. Bertanggungjawab ke atas urusan hal ehwal pengurusan, pentadbiran, kewangan dan akaun secara keseluruhannya. xxii. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Timbalan Pengerusi Eksekutif SKM. - xxiii. Melapor kepada Timbalan Pengerusi Eksekutif SKM.
Tarikh Tutup Permohonan	:	22 September 2023 (Jumaat)
Cara Memohon	:	Sila kemukakan permohonan yang lengkap secara dalam talian melalui Sistem e-kerjaya Suruhanjaya Koperasi Malaysia di Portal Rasmi www.skm.gov.my